

22/12/2001

Krisis MCA penghalang usaha baharui imej

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

SELAGI MCA tidak dapat menghapuskan 'syaitan' di dalam parti berkenaan, maka selagi itulah arena politik kaum Cina tidak akan mengalami perubahan.

Akhbar Sin Chew Jit Poh dalam membuat analisis itu Jumaat lalu, turut melahirkan kebimbangan bahawa siapa juga pemenang yang mendapat kuasa pada pemilihan parti tahun depan, akan timbul pula masalah berhubung kesahihan.

Penggantungan Jawatankuasa Pusat (CC) Pemuda MCA dan sebahagian daripada undang-undang kecil pergerakan itu berkuat kuasa serta merta, menjadi tajuk utama semua akhbar berbahasa Cina semalam.

Paling membimbangkan ialah penggantungan itu akan membangkitkan kemarahan penyokong Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, yang seterusnya akan merumitkan masalah sedia ada.

Justeru, perebutan kuasa pada pemilihan parti tahun depan akan bertukar daripada sandiwara menjadi tragedi kerana masalah yang timbul lebih banyak berbanding masalah yang boleh diselesaikan.

Semalam, kolum analisis China Press merumuskan persengketaan di antara Kumpulan A dan B hanya akan selesai pada pemilihan parti tahun depan.

Menurutnya, sejarah akan tercipta apabila kedua-dua puak dari Pemuda MCA beradu kekuatan untuk mendapat kuasa mentadbir dalam pemilihan parti yang paling sengit.

Kini, tumpuan adalah kepada jawatankuasa khas tiga anggota yang baru diumumkan, sama ada mereka akan meluluskan penubuhan lebih 120 cawangan yang memihak kepada Kumpulan A.

Penulis berpendapat, keputusan penggantungan itu sebenarnya tidak sekejap yang diramalkan sebelum ini kerana ia perlu menimbangkan kesan terhadap pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan tidak lama lagi.

Pilihan raya kecil itu penting kerana ia adalah cabaran besar bagi Barisan Nasional (BN) selepas pilihan raya kecil Lunas.

Rabu lalu, editorial Sin Chew Jit Poh berpendapat, pertelingkahan dalam MCA tidak boleh diselesaikan melalui mekanisme parti, sebaliknya mereka perlu menggunakan saluran politik sebagai usaha terakhir.

Menurutnya, saluran politik itu ialah campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mengubah sikap dan pendirian pihak yang terbabit dalam pertelingkahan itu.

Sebelum ini, Dr Mahathir pernah menyampaikan mesej bahawa beliau tidak mahu melihat pertelingkahan dalam MCA terus serius.

Akhbar itu berpendapat, pergolakan dalam MCA akan menjadi penghalang kepada usaha BN untuk memperbaharui imejnya.

Justeru, kedua-dua puak dalam MCA harus bertindak lebih berhati-hati supaya mereka tidak menjadi punca kegagalan usaha BN itu.

Sementara itu, tindakan beberapa sekolah di sekitar Lembah Klang yang mengasingkan pelajar mengikut kaum mendapat kecaman hebat Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini.

Nesan memetik kenyataan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang menegur perbuatan mengasingkan pelajar mengikut ras atau agama kerana ia bertentangan dengan agenda kebangsaan bagi memupuk integrasi nasional.

Katanya, MIC sedar bahawa wujud beberapa sekolah di mana majoriti pelajarnya adalah keturunan India dan secara tidak langsung, persekitaran itu akan menyukarkan mereka menyesuaikan diri dengan kaum lain apabila dewasa kelak.

Nanban pula melaporkan kenyataan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan

Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam, yang mendedahkan bahawa isu pengagihan pelajar mengikut kaum bukan masalah baru.

Sebaliknya, katanya, ia sudah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan beberapa kali tetapi satu pendekatan bagi mengatasinya dengan berkesan belum lagi dirancang.

Menurutnya, NUTP juga akan mengemukakan satu kertas cadangan untuk dipertimbangkan Kementerian Pendidikan bagi merombak sistem sedia ada yang ternyata bertentangan dengan dasar kerajaan memupuk perpaduan antara kaum.

Dalam perkembangan lain, Nanban dan Nesan juga melaporkan mengenai masalah negara dalam menangani isu pendatang tanpa izin yang nampaknya masih berduyun-duyun datang meskipun pelbagai tindakan sudah diambil.

Nesan, dalam editorialnya, menggesa kerajaan mengambil tindakan lebih tegas terhadap kumpulan itu berikutan kejadian Pusat Tahanan Imigresen Pontian dibakar baru-baru ini.

Akhbar itu juga mengalu-alukan kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mencadangkan hukuman lebih berat, termasuk memperkenalkan hukuman sebat.

Nanban pula membincangkan kos menahan pendatang tanpa izin ini kerana ia membebankan kerajaan sedangkan ia boleh dimanfaatkan bagi pelbagai projek sosial dan pembangunan untuk rakyat negara ini.

(END)